



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI DI MALAYSIA
MINGGU EPIDEMIOLOGI 22 (28 MEI – 03 JUN 2023)

Pada Minggu Epidemiologi ke-22 tahun 2023, jumlah kes demam denggi yang dilaporkan adalah sebanyak 2,455 kes berbanding 2,638 kes pada minggu sebelumnya, iaitu penurunan sebanyak 183 kes (6.9%). Tiga (3) kematian akibat komplikasi demam denggi dilaporkan pada Minggu Epidemiologi ke-22 tahun 2023.

Kumulatif kes demam denggi yang dilaporkan sehingga Minggu Epidemiologi ke-22 adalah sebanyak 48,712 kes berbanding 18,883 kes bagi tempoh sama tahun 2022, iaitu peningkatan sebanyak 29,829 (158.0%). Manakala sejumlah 34 kematian akibat komplikasi demam denggi telah dilaporkan berbanding 12 kematian bagi tempoh yang sama pada tahun 2022.

Bilangan lokaliti hotspot pada minggu ini meningkat berbanding minggu sebelumnya dengan sebanyak 82 lokaliti hotspot dilaporkan berbanding 72 lokaliti dengan 62 lokaliti berada di Selangor, sembilan (9) lokaliti di Pulau Pinang, lima (5) lokaliti di WPKL & Putrajaya, empat (4) lokaliti di Sabah serta masing-masing satu (1) lokaliti di Kedah dan Perak.

Bagi surveilan chikungunya sebanyak satu (1) kes telah direkodkan pada Minggu Epidemiologi ke-22 dengan satu (1) kes dari Selangor. Jumlah kumulatif


kes chikungunya sehingga kini adalah 135 kes. Bagi surveilan zika, sebanyak 1,163 sampel darah dan 57 sampel urin telah dijalankan saringan zika dan hasil kesemuanya adalah negatif.

Analisa kematian akibat komplikasi denggi bagi tempoh tiga (3) tahun iaitu 2020 hingga 2022, sebahagian besar pesakit mengalami penyakit kronik seperti darah tinggi/ hipertensi (27%), kencing manis/ diabetes (23%), obesiti (23%), hiperlipidemia (8%), penyakit jantung (7%) dan penyakit buah pinggang (6%). Ini menunjukkan pesakit denggi dengan penyakit kronik lebih cenderung kepada komplikasi serius dan kematian. Sehubungan itu, gejala awal demam denggi seperti demam tinggi secara mengejut disertai sakit belakang mata, sakit kepala, sakit sendi/ otot dan pening tidak boleh dipandang ringan terutama pada pesakit dengan penyakit kronik. Dapatkan rawatan awal di fasiliti kesihatan terdekat kerana denggi dapat mengancam nyawa.

Selain itu, pastikan tiada bekas berpotensi pembiakan nyamuk *Aedes* di dalam dan di luar rumah. Lakukan gotong-royong serta aktiviti cari dan musnah tempat pembiakan nyamuk *Aedes*. Bubuh bahan pembunuh jentik-jentik di dalam bekas yang menakung air. Pakai repelan sekiranya keluar pada waktu puncak gigitan nyamuk 5 pagi – 8 pagi dan 5 petang – 8 malam. Mencegah gigitan lebih mudah berbanding mengubati. **Tiada *Aedes*, tiada denggi, chikungunya dan zika.**

DATUK DR. MUHAMMAD RADZI BIN ABU HASSAN


Ketua Pengarah Kesihatan
Kementerian Kesihatan Malaysia
12 Jun 2023




Gambarajah 1: Perbandingan kes dan kematian demam denggi Minggu Epidemiologi ke-22 dan ke-21 tahun 2023



Gambarajah 2: Perbandingan kes dan kematian demam denggi sehingga Minggu Epidemiologi ke-22 tahun 2023 dan tempoh sama tahun 2022



Gambarajah 3: Perbandingan tren kes mingguan demam denggi Malaysia tahun 2023, 2022 dan median 2018-2022



Gambarajah 4: Jumlah lokaliti hotspot denggi Minggu Epidemiologi ke-22 tahun 2023